



## Permulaan fasa Peralihan Monsun mulai 19 September

Oleh Tuty Haryanti Ahmad Rodzi - September 14, 2023 @ 1:17pm  
bhnews@bh.com.my

KUALA LUMPUR: Negara akan menerima tiupan angin lemah dari pelbagai arah kondusif untuk kejadian ribut petir yang lazimnya membawa hujan lebat berserta angin kencang dalam jangka masa singkat.

Jabatan Meteorologi (MetMalaysia), memaklumkan, ia berikutnya fasa Peralihan Monsun yang dijangka bermula pada 19 September dan berterusan sehingga November ini.

Katanya, permulaan fasa itu menandakan berakhirnya Monsun Barat Daya yang bermula sejak 15 Mei lalu.

"Kejadian ini berlaku terutamanya pada waktu petang dan awal malam di kebanyakan kawasan di negeri di pantai barat dan pedalaman Semenanjung, barat Sabah serta barat dan tengah Sarawak.

"Keadaan cuaca ini berpotensi menyebabkan banjir kilat serta kerosakan pada struktur yang tidak kukuh," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Menurut kenyataan itu, orang ramai dinasihatkan untuk lebih berwaspada ketika tempoh berkenaan dan entiasa peka dengan ramalan dan amaran cuaca yang dikeluarkan oleh MetMalaysia melalui laman web rasmi, aplikasi mobil myCuaca dan media sosial rasmi Jabatan.

Katanya, orang ramai juga boleh menghubungi Hotline Jabatan 1-300-22-1638 bagi sebarang pertanyaan lanjut.